

BATA

M E R A H

*Kelestarian
Komuniti
Orang Asli
Di Malaysia*

RM30 RIBU

Kutipan SOUO
Ramadhan FSSK

**PELAN
STRATEGIK FSSK**

*Komitid melahirkan
masyarakat pemikir*

PERSADA
Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda
Tema: ' Mahasiswa GLOKAL
Melestari WATAN '

**KARNIVAL
KERJAYA FSSK**

K3
FSSK

Isi Kandungan

Bata Merah Edisi 2/2023

- 02 Pelan Strategik FSSK:**
- Komited melahirkan
03 masyarakat pemikir

5 Pelan Strategik FSSK

- 04 ICOSH 2023**
- Persidangan Antarabangsa ke-8
05 Sains Sosial dan Kemanusiaan



- 06 K3@FSSK 2023**
- Karnival Kerjaya dan Keusahawanan
08 FSSK



- 09 PERSADA 2023**
- Mahasiswa Ciklokal Melestari Watan



- 11 KONVENSYEN KOMUNITI
ORANG ASLI 2023**
- Konvensyen Komuniti Orang Asli
di Malaysia



- 14 SOUQ FSSK 2023**
- Raih Kutipan RM30,000 agihan Iftar
15



- 16 PERKASA: GENIUS REMAJA**
- Shinsung University & Jeonju University

18



- 19 KEJAYAAN WARGA FSSK**
- Bintang FSSK, Akademia FSSK
20 dan Alumni Bata Merah

DERMASISWA FSSK

FSSK Cakna Pelajar B40 & Asnaf
menerusi Dermasiswa FSSK

- 21 WARNA WARNI AIDILFITRI**
- Jamuan Hari Raya Aidilfitri FSSK

24



- 25 LIPUTAN MEDIA FSSK**
- Konvensyen Orang Asli 2023

26



Pelan Strategik FSSK: Komited melahirkan masyarakat pemikir

Pelan Strategik FSSK telah menggariskan 5 teras pengukuhan hala tuju FSSK berserta 32 inisiatif-inisiatif dan strategi pelaksanaan bagi menyokong agenda utama FSSK dalam melahirkan masyarakat pemikir. Antara 5 teras pengukuhan tersebut adalah pendidikan berkualiti untuk semua, pengalaman pelajar, penyelidikan berimpak, kelestarian sumber serta jaringan dan jangkauan.

FSSK akan melebarkan kaedah pengajaran dan pembelajaran menerusi pendidikan fleksibel dan sepanjang hayat seperti *Open Distance Learning*, *Microcredit APEL* dan sebagainya bagi menyokong dan melahirkan setiap lapisan masyarakat untuk menjadi masyarakat pemikir. Nisbah tenaga pengajar dengan nisbah pelajar juga akan diusahakan dengan kemasukan tenaga pengajar yang berkaliber. Dalam menjaga kualiti pendidikan, akreditasi dan semakan terhadap kualiti pengajaran serta kualiti pelajar akan dipantau dari masa ke masa bagi menyokong agenda strategik FSSK yang mengutamakan hasrat untuk memberi pendidikan berkualiti untuk semua.

Menuju ke arah negara maju, teras kedua FSSK sentiasa mempersiapkan pelajar-pelajar dengan pengalaman dan *soft-skills* sebagai nilai tambah dalam menghadapi peluang pekerjaan. Kursus professional

seperti Analisis Data Raya, Pengurusan Stress dan kelas bahasa yang dianjurkan oleh ahli-ahli fakulti diharapkan dapat membantu graduan FSSK mencapai peluang pekerjaan dengan mudah. FSSK juga berhasrat untuk menambahbaik kerangka baru latihan industri melalui *Program Mobility Exchange* dengan kerjasama UKM Global. Sebagai tanda keprihatinan, FSSK berfokus kepada kumpulan sasar pelajar B40 untuk menerima manfaat menerusi integrasi SULAM, KASIH dan PERKASA yang komited menyediakan bidang teknologi kemahiran untuk tujuan pemerkasaan demi membina generasi muda yang berkeyakinan, bersifat dinamik dan mempunyai jati diri yang mantap.

Menerusi teras ketiga, FSSK akan sentiasa merancakkan lagi penyelidikan berimpak tinggi bagi meneroka ilmu penyelidikan yang merentas bidang. Penyelidikan berimpak tinggi perlu memberi fokus kepada penyelidikan yang kritikal dan strategik untuk negara dalam memastikan inovasi serta penyelidikan yang berhasil dapat dipindah manfaatnya, bukan sekadar hanya dibiarkan di rak perpustakaan malah perlu dilebar luas agar bermanfaat untuk membentuk masyarakat pemikir.



**Infographic Pelan Strategik FSSK

Umum mengetahui bahawa FSSK adalah di antara tiga fakulti yang terawal dibina di UKM dan menerusi teras keempat, kelestarian sumber dari segi pemerkasaan sumber manusia, infrastruktur pendidikan dan kelestarian kewangan akan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Ini adalah kerana FSSK akan mengutamakan penyediaan sebuah ekosistem pendidikan yang kondusif terhadap semua ahli fakulti. Dengan jumlah penjanaan fakulti sebanyak RM18.3 juta, pada tahun 2022, FSSK akan memastikan agar setiap ahli fakulti menerima manfaat menerusi pemerkasaan infrastruktur, rejunivasi dan motivasi untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Menerusi jaringan yang terjalin di antara FSSK dengan pihak berkepentingan termasuk alumni, badan profesional, industri dan agensi kerajaan mahupun NGO, FSSK akan berusaha untuk menyediakan yang terbaik dari segi pengajaran dan penyelidikan

5 Pelan Strategik FSSK

menerusi kerjasama strategik yang telah dibina. Melalui Pelan Strategik ini juga FSSK berhasrat untuk memperhebat program-program keilmuan seperti perkongsian ilmu bersama Alumni Bata Merah dan mengadakan program *Top Scholar Programme* untuk melebarkan lagi horizon keilmuan setiap masyarakat.



ICOSH 2023

Persidangan Antarabangsa
Sains Sosial & Kemanusiaan ke-8

Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-8 (ICOSH 2023)



Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-8 (ICOSH) 2023 telah berlangsung pada 16 hingga 17 Mei 2023 bertempat di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, UKM. Persidangan yang bertemakan "Sains Sosial dan Kemanusiaan Semasa Krisis: Iktibar dari Masa Lalu dan Hala Tuju Masa Depan," mencerminkan keperluan untuk memperkuuh sinergi kerjasama dalam kalangan komuniti-komuniti pada skala global untuk mencapai matlamat pembangunan mampan seperti pendidikan, pertumbuhan ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan.

Persidangan ini juga bertujuan untuk membentangkan isu-isu global dari aspek Sains Sosial dan Kemanusiaan selepas diduga pandemik Covid-19 dalam mengenal pasti strategi semasa dan akan datang dalam kalangan sarjana, akademik, pengamal, profesional dan pelajar dalam bidang ini. Akibat daripada krisis global ini, banyak aspek dalam masyarakat telah terjejas, termasuk perubahan budaya, komunikasi, kesihatan fizikal dan mental, perubahan iklim, bencana semula jadi serta gangguan geopolitik.

Ucaptama persidangan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Ang Peng Hwa daripada Wee Kim Wee School of Communication and Information Nanyang Technological University (NTU), Singapore. Dalam ucaptama berkenaan Prof. Dr. Ang Peng Hwa menekankan kepentingan penyelidikan berkenaan ChatGPT dan implikasinya dalam bidang sains sosial. Prof. Dr. Maznah Muhammad, daripada Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, National University of Singapore (NUS) juga telah menyampaikan ucaptama yang bertajuk "Sains Sosial dan Kemanusiaan di Malaysia: Suatu Penilaian Kritis Terhadap Kaedah dan Tumpuan Masa Lalu dan Jalan Ke hadapan". Ucaptama yang penuh dengan informasi ilmiah dan manfaat ini diharap menjadi panduan kepada para penyelidik muda untuk memperkasa penyelidikan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Persidangan ICOSH 2023 yang telah menjadi platform sebagai pertukaran idea kepada peserta khususnya pelajar pasca siswazah sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada penyelidikan berkualiti tinggi yang memberi impak besar kepada negara.



K3@FSSK2023

Karnival Kerjaya & Keusahawanan

U
NIVERSITI KELANTAN
UNIVERSITI KELANTAN



Karnival Kerjaya dan Keusahawanan



Sekreteriat Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat dengan kerjasama Sekreteriat Keusahawanan FSSK telah menganjurkan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2023 (K3@FSSK) bersempena dengan Minggu Kerjaya dan Keusahawanan UKM.

Sejajar dengan matlamat dan naratif T.E.R.A.S UKM, FSSK komited menganjurkan karnival ini dengan penuh pengisian yang bermanfaat khususnya buat pelajar FSSK dengan sesi perkongsian seperti ceramah kerjaya oleh Tuan Haji Annas bin Ahmad, Pengasas My Sutera Holdings Berhad serta ceramah keusahawanan oleh Puan Ismaniza Fahida atau lebih dikenali sebagai Cik Puan Gojes yang menyentuh berkenaan kepentingan ilmu keusahawanan dan perkongsian pengalaman beliau dalam industri perniagaan.

Karnival ini juga telah mengumpulkan pempamer daripada pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Persatuan Usahawan Wanita Bumiputra (USAHANITA), Islamic Relief Malaysia, Adab Youth Garage (AYG), TEKUN Nasional dan agensi-agensi luar untuk berkongsi peranan dalam menjayakan karnival ini. Terdapat juga aktiviti jualan daripada pelajar-pelajar Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA), Persatuan Usahawan Wanita Bumiputra dan kelas fotografi daripada TEENTOUCH Studio.

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan ini diharap dapat menjadi suntikan semangat kepada warga pelajar FSSK dan UKM untuk bersiap siaga dengan ilmu keusahawanan dan bersedia merancang hala tuju kerjaya. Menerusi jaringan yang terjalin dengan pihak berkepentingan termasuk alumni, badan profesional, industri dan agensi kerajaan mahupun NGO, FSSK sentiasa berusaha untuk menyediakan keperluan terbaik kepada pelajar khususnya dalam memupuk minda keusahawanan kelas pertama seterusnya menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran mereka.



**Ketibaan Naib Canselor UKM, -YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekiwan Hj. Toriman



PERSADA 2023

Mahasiswa Glokal Melestari Watan

PERSADA 2023: Mahasiswa Glokal Melestari Watan

Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda (PERSADA) 2023 dengan tema “Mahasiswa Glokal Melestari Watan” merupakan acara tahunan FSSK yang memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda membentang dan berkongsi hasil penyelidikan mereka. Persidangan ini sangat penting kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dalam usaha untuk melatih kemahiran penyelidikan dan penulisan ilmiah dalam kalangan pelajar ke arah melahirkan penyelidik-penyelidik muda yang berkualiti.

Penyelidikan yang baik juga memerlukan pelajar-pelajar untuk mempunyai kemahiran pemikiran kritikal, mengenalpasti permasalahan yang memerlukan penyelesaian dan menganalisis data empirikal seterusnya mencapai daptan yang boleh dipercayai. Ini sejajar dengan matlamat FSSK untuk memangkin dan mencetus pemikiran terkini pembentukan peradaban bangsa dalam melahirkan mahasiswa yang proaktif dan mempunyai keboleh pasaran yang tinggi.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari di Dewan Perdana FSSK menyaksikan penglibatan pembentang-pembentang daripada fakulti luar UKM dan IPT lain seperti FKAB, FST, FTSM, FUU dan PCU serta dari UNISZA, IPG dan Taylor's University. Sebagai universiti watan yang unggul dengan penyelidikan, pihak fakulti berbesar hati dengan penganjuran kali ini dan berharap dapat melahirkan generasi graduan yang memenuhi aspirasi kebangsaan melalui pemupukan sikap keyakinan diri, ketahanan diri serta kecemerlangan agar dapat menyumbang dan berbakti kepada masyarakat menerusi penyelidikan yang berkualiti.





A black and white photograph showing a man standing in front of several traditional wooden houses with thatched roofs. He is shirtless, wearing shorts, and has his hands on his head in a gesture of distress or despair. The houses appear old and somewhat dilapidated.

KONVENTENSYEN KOMUNITI ORANG ASLI 2023

Konvensyen Komuniti Orang Asli Malaysia

Konvensyen Komuniti Orang Asli Malaysia 2023

Konvensyen Komuniti Orang Asli Malaysia: Merangka Semula Inisiatif Kelestarian Negara yang julung-julung kalinya diadakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia telah dijayakan dengan anjuran kerjasama Yayasan RYTHM serta penglibatan Yayasan Sime Darby, Quest International University, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Persatuan Mahasiswa Orang Asli Malaysia, Universiti Teknologi Mara serta UIA Pagoh.

Tema konvensyen pada kali ini juga selaras dengan hasrat murni akademia fakulti untuk menyumbang kepakaran dalam pelaksanaan pembentukan dasar mahupun program yang bertaraf kebangsaan, serantau dan antarabangsa terutamanya dalam membincangkan aspek pendidikan, kesihatan dan ekonomi bagi komuniti Orang Asli di Malaysia. Konvensyen ini juga telah mengumpulkan pembabitan semua pihak yang mempunyai kepentingan dan keprihatinan untuk menambah baik inisiatif kelestarian nasional bagi Orang Asli di Malaysia serta membantu kerajaan dalam merangka program pembangunan bidang ekonomi serta sosial komuniti ini.

Turut berlangsung di dalam konvensyen ini adalah majlis menandatangani surat hasrat antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan RYTHM yang merupakan satu bentuk kerjasama lestari di antara kedua-dua institusi ini bagi menghasilkan dan melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi ke atas komuniti Orang Asli serta turut melibatkan pemindahan kepakaran, teknologi dan sumber manusia. Kerjasama ini terbentuk disebabkan oleh kesamaan misi dan matlamat di dalam agenda pemerkasaan komuniti Orang Asli Malaysia.

Pengisian perbincangan meja bulat yang dihadiri oleh barisan penyelidik terkemuka komited mengupas empat isu utama seperti pendidikan, kesihatan, punca pendapatan dan hak kerakyatan serta dibentangkan semasa konvensyen berlangsung untuk membantu Kerajaan serta agensi-agensi berkaitan dalam memperhalusi inisiatif bagi memperkasa komuniti Orang Asli di Malaysia. Pengisian pengalaman mahasiswa Orang Asli dan Tok Batin juga adalah salah satu pengisian konvensyen yang berjaya menarik perhatian peserta dalam memahami corak hidup komuniti Orang Asli dan menjadi aspirasi dengan kejayaan akademik cemerlang yang dicapai oleh komuniti ini.

Sejajar dengan aspirasi universiti watan, UKM komited memperkasa pembangunan negara bangsa yang turut berperanan mempersebahkan pelbagai dasar nasional secara profesional melalui penganjuran konvensyen yang penuh ilmiah dan bermanfaat dalam mencari resolusi nasional serta melonjakkan sektor pendidikan Malaysia agar lebih berkualiti dan diiktiraf dunia. Selaras dengan usaha merintis dimensi baharu intelektualisme, penerapan elemen inovasi yang mampan dalam semua aspek mampu membawa pembaharuan dan pemantapan minda khususnya kepada komuniti Orang Asli di Malaysia.





souqFSSK

Raih Kutipan RM30,000 bagi kutipan Iftar

SOUQ Ramadhan FSSK Raih Kutipan RM30,000 agihan Iftar

Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (PMFSSK) berjaya mengumpul dana melebihi RM30,000.00 hasil kolaborasi dan kutipan amal daripada para penyumbang yang terdiri daripada alumni, syarikat swasta, warga FSSK dan penyumbang individu daripada pihak luar. Hasil kutipan sumbangan pada program SOUQ Ramadhan FSSK berkenaan telah disalurkan kepada pelajar FSSK dan UKM melalui pemberian sumbangan pek makanan dan kupon makanan untuk membeli jualan juadah sempena bulan ramadhan yang berlangsung di ruang legar fakulti. Jualan juadah Program Souq Ramadan juga melibatkan peniaga yang terdiri daripada pelajar FSSK, peniaga luar dan pelajar-pelajar daripada Pusat Komuniti GENIUS Remaja UKM yang telah bermula pada 3 April 2023. Kejayaan program ini secara tidak langsung membuktikan keprihatinan warga FSSK dan komuniti setempat untuk sama-sama beramal dan menjaga kebajikan para pelajar yang memerlukan.



삼보정

723-3318

PERKASA GENIUS REMAJA

Shinsung University & Jeonju University

PERKASA: GENIUS Remaja X Shinsung University

Seramai 19 orang pelajar dari GENIUS Remaja telah berjaya menamatkan kursus pendek dalam bidang teknologi kek dan pastri serta bidang kecantikan yang bermula pada 4 Januari hingga 17 Januari 2023. Kursus pendek ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang yang diceburi selain memperkasa jati diri peserta menerusi pengalaman baharu yang ditimba sewaktu berada di Korea Selatan. Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Pendek peserta GENIUS Remaja telah berlangsung pada 17 Januari 2023 bertempat di Dewan Shinsung University yang turut dihadiri oleh Profesor Yoo Yeong Chang selaku Naib Canselor Shinsung University.



PERKASA: GENIUS Remaja X Jeonju University

Perkongsian pintar dalam pendidikan dan bakat antara GENIUS Remaja dan Jeonju University di Jeonju, Korea Selatan telah diadakan pada 17 hingga 19 Januari 2023. Seramai 28 orang yang terdiri daripada peserta GENIUS Remaja, tenaga pengajar dan pegawai pengiring telah menyertai program ini. Pelbagai aktiviti telah diatur oleh pihak Jeonju University antaranya adalah program latihan budaya tradisional Jeonju Hanok Village, percetakan dan lukisan 3D, pengalaman membuat *bibimbap* dan pendedahan sukan dron. GENIUS Remaja mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jeonju University di atas peluang perkongsian dan pengalaman ini.





KEJAYAAN WARGA FSSK

Bintang FSSK, Akademia FSSK dan Alumni Bata Merah

DERMASISWA FSSK

FSSK Cakna Pelajar B40 & Asnaf

Bintang FSSK, Akademia FSSK dan Alumni Bata Merah

Bintang FSSK

Nama Penerima	Anugerah
Muhammed Yusry Haqal Yusof MENTION	Anugerah Latihan Industri di Organisasi Tersehor
Aina Azra Nasharudin PKEL	Peserta Temasek Foundation NUS Leadership Enrichment and Regional Networking (TF NUS LEaRN 2023) Programme
Petani Bin Mohd Noor PKEL	Penerima geran penyelidikan di Gifu University, Japan selama setahun
Yew Joe SPHEA	Penerima Temasek Foundation - National University of Singapore Youth Entrepreneurship Initiative 2023
Nurul Azrina Abdul Halim PSITRA	Duta Maybank Students Programming 2023
Sherifeh Umeirah Syed Mustaffa SPHEA	Juara Pertandingan Debat Piala Dato' Menteri Besar Selangor
Aina Azra Nasharuddin PKEL	Peserta Program Temasek foundation NUS Leadership Enrichment and Regional Networking 2023 di NUS, Singapore

Akademia FSSK

Nama Penerima	Anugerah
Prof. Madya Dr. Mohamed Zain Sulaiman PKBL	Timbalan Ketua Kluster WiraSeri dan Sosiolokal di Majlis Profesor Negara
Prof. Madya Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin PSITRA	Anggota Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Bella Malaysia (IYRES)
Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman PSITRA	Pingat Komisioner Jeneral Penjara Kelas Pertama atas sumbangan sebagai Pakar Perunding Kriminologi dan Jasa kepada Jabatan Penjara Malaysia
Dr. Nasrudin Subhi PSITRA	Seliasaha Agung, The ASEAN Regional Union of Psychological Societies (ARUPS)
	Anggota Lembaga Kaunselor Malaysia bagi sesi 2023-2025 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Alumni Bata Merah

Nama Penerima	Anugerah
Encik Lee Seang Hock	Sertiusaha Politik kpdz Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya
Jeneral Datuk Seri Mohammad Abdul Rahman	Panglima Tentera Darat Ke-29 Tentera Darat Malaysia
Hanun Muzhaffar Anbu	Anugerah Tokoh Siswa 2022 - Anugerah Kepimpinan & Kesukarelawan (Keséjahteraan Komuniti)

FSSK Cakna Pelajar B40 & Asnaf menerusi Dermasiswa FSSK

Dermasiswa FSSK adalah bantuan eksklusif yang disalurkan kepada pelajar FSSK bagi membantu kebajikan para pelajar setiap semester dengan mengambil kira kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Tabung Dermasiswa ini telah digerakkan dan dihebahkan kepada penyumbang-penyeimbang terutamanya rakan strategik, rakan industri, warga akademik dan alumni Fakulti. FSSK sentiasa cakna dan prihatin terhadap pelajar B40 dan keluarga asnaf bagi mengurangkan bebanan penerima. Besar harapan fakulti, agar dana ini digunakan dengan sebaiknya dan moga Inisiatif ini dapat mengukir sedikit senyuman ibu bapa pelajar yang berada kampung halaman serta mengurangkan perasaan khuatir mereka tentang kos perbelanjaan anak mereka di UKM.



WARNA WARNI AIDILFITRI

Jamuan Hari Raya Aidilfitri FSSK

Warna Warni Aidilfitri: Jamuan Raya FSSK









LIPUTAN MEDIA

FSSK

Konvensyen Orang Asli

Liputan Media FSSK: Konvensyen Orang Asli

KONVENSYEN YAYASAN RYTHM-UKM, TANGANI KEPERLUAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA



**Sumber: BERNAMA



**Sumber: BERNAMA



**Sumber: THE SUN DAILY



**Sumber: THE SUN DAILY



**Sumber: BERNAMA RADIO



**Sumber: RTM




**Sumber: MALAYSIAN DAILY NEWS



**Sumber: UTUSAN MALAYSIA





Hubungi FSSK

Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan (FSSK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)
+603 8921 4741 (Sekreteriat Prasiswazah)
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)